

15/05/2003

Sultan Kedah, PM hadiri majlis persandingan

JITRA: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri majlis persandingan anak pegawai daerah Kubang Pasu, Datuk Ismail Abdul Hamid, di Dewan Wawasan, di sini, malam tadi.

Pengantin lelaki Mohd Ariff, 27, adalah anak sulung Ismail dan Nordiana Alina Mohd Nor, 26, anak bekas Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Allahyarham Mohd Nor Salleh.

Kedua-dua pengantin adalah jurutera di OGP Technical Services Sdn Bhd, anak syarikat Petronas di Kuala Lumpur.

Turut hadir Raja Muda dan Raja Puan Muda Kedah, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, kira-kira jam 7 malam.

Ini adalah kali pertama Perdana Menteri pulang ke kawasan parlimennya selepas memulakan tugas pada 5 Mei lalu, sesudah bercuti selama dua bulan.

Dr Mahathir juga melawat Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu, Mohamad Abu Hassan, 51, yang mengalami sakit usus, kencing manis, lelah dan darah tinggi di rumahnya di Taman Seri Kemuning, di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur.